

MPSP

MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI



BULETIN MPSP
BIL.01/2016
JANUARI - APRIL 2016



Isi Kandungan

> PROGRAM MPSP CAR FREE MORNING @ SEBERANG PERAI	1
> MAJLIS ANGKAT SUMPAH DAN PENERIMAAN JAWATAN AHLI MAJLIS MPSP 2016	2
> MAJLIS PELANCARAN SISA SIFAR TAMAN VILLA OREN, BUKIT MERTAJAM	3
> MAJLIS PELANCARAN ANUGERAH SEKOLAH HIJAU SMK BERAPIT	4
> PERHIMPUNAN KORPORAT BIL 01/2016 DAN MAJLIS PELANCARAN ALAT AUTOMATED EXTERNAL DEFIBRILLATOR	5
> MAJLIS ANUGERAH KOMUNITI MAMPAN 2015	6
> MAJLIS PERASMIAN PROJEK CSR BULATAN KELIP - KELIP & MERCU TANDA KAPAL, NIBONG TEBAL, SPS	7
> BUTTERWORTH DISCOVERY WALK 2016 CYCLE FOR A LANE (CFAL), AUTOCITY	8
> MAJLIS PELANCARAN PROJEK PERINTIS DASAR PENGASINGAN SISA DI PUNCA KATEGORI PROJEK PERUMAHAN RAKYAT (PPR)	9
> MAJLIS PENGHARGAAN PESARA 2016 DAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2015	10
> MAJLIS PELANCARAN RAWATAN KUALITI AIR SUNGAI DENGAN EM MUDBALL	11
> PERTANDINGAN RENANG MERENTAS SELAT PERINGKAT ANTARABANGSA, PULAU PINANG 2016	12
(PENANG INTERNATIONAL CROSS-CHANNL SIM 2016)	
> MAJLIS PELANCARAN ANUGERAH KITAR SEMULA SEKOLAH	13
> LAWATAN	14
·KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA DATUK BANDAR MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR	
·PEJABAT SUK DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN SELANGOR	
·MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH	
> LAWATAN	15
·MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM	
·MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR	
> LAWATAN	16
·MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI	
·JABATAN TAMAN BOTANI PULAU PINANG	
·MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS	
> KUNJUNGAN DARI YOKOHAMA CITY & JICA	17
> PENANG PROPERTY SUMMIT 2016 PIP CONFERENCE DI SPICE, PULAU PINANG	18
> MAJLIS PECAH TANAH KOMPLEKS MAKANAN PERMATANG TINGGI	19
> MAJLIS PELANCARAN KITAR SEMULA KACA, JALAN MD SAAD	20
> MAJLIS PERASMIAN PROJEK CSR TEBATAN BANJIR & TAMAN LINEAR TASEK MUTIARA	21

SIDANG REDAKSI

PENAJUNG
YBHG. DATO' MAIMUNAH MOHD. SHARIF
(YANG DIPERTUA)

PENASIHAT
TUAN S' RAJJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
(SETIAUSAHA PERBANDARAN)

KETUA EDITOR
ENCIK WAN JUNAIDY BIN YAHAYA

EDITOR
PUAN SALEMMAH BINTI AYOB
JAWATANKUASA BULETIN MPSP

JURUGAMBAR
ENCIK MOHD FAIZ BIN ABDUL HALIM
ENCIK MOHD FAKHREES BIN MOHD ALI

PROGRAM MPSP CAR FREE MORNING @ SEBERANG PERAI



Program sebegini dapat memberi peluang kepada orang ramai khususnya penduduk di Seberang Jaya dan Seberang Perai amnya, untuk bersama-sama menyertai aktiviti riadah yang dianjurkan oleh pihak MPSP. Antara aktiviti yang disediakan adalah senamrobik, berbasikal dan berjalan kaki. Kedua-dua aktiviti ini berlangsung pada setiap pagi Ahad, minggu pertama. Pengunjung juga dapat melihat pelbagai pameran berunsurkan pendidikan, pameran mesra alam, gerai-gerai jualan dan permainan tradisional yang berlangsung sepanjang aktiviti dijalankan.

Menerusi program ini, kesedaran tentang kepentingan mencintai alam sekitar sedikit sebanyak dapat dipupuk dalam kalangan orang ramai.

Kempen ini menyediakan laluan berbasikal dan berjalan kaki bagi memudahkan para pengunjung untuk beriadah bersama keluarga pada pagi itu. Pengunjung digalakkan berbasikal dan berjalan kaki dengan lebih kerap untuk mengurangkan kebergantungan terhadap kenderaan bermotor.

MAJLIS ANGKAT SUMPAH DAN PENERIMAAN JAWATAN AHLI MAJLIS MPSP 2016



Majlis Angkat Sumpah dan Penerimaan Jawatan Ahli Majlis MPSP 2016 ini telah berlangsung di Dewan Kenanga, MPSP pada 8 Januari 2016. Majlis ini turut dihadiri oleh Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang, YB. Dato' Haji Mohd Rashid bin Hasnon, Timbalan Ketua Menteri 1, YB. Prof. Dr. Ramasamy a/l Palanisamy, Timbalan Ketua Menteri 2, YB. Chow Kon Yeow, Ahli-Ahli EXCO, ADUN-ADUN, YBhg. Dato' Maimunah Mohd Sharif, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai, Tuan Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud, Setiausaha Perbandaran Majlis Perbandaran Seberang Perai, Ketua-ketua Jabatan serta para wakil media.



Pelantikan ini adalah bagi tempoh 8 Januari 2016 sehingga 31 Disember 2016. Seramai 24 ahli majlis telah dilantik dalam majlis ini. Ahli majlis yang dilantik akan bersama-sama dengan MPSP berganding bahu serta mengembleng tenaga dalam usaha untuk mencapai Pelan Strategi Lima Tahun MPSP serta dapat membantu pentadbiran MPSP untuk mencapai perkhidmatan yang bertaraf antarabangsa seiring dengan harapan Kerajaan Negeri serta seluruh penduduk Seberang Perai khususnya.



MAJLIS PELANCARAN SISA SIFAR TAMAN VILLA OREN, BUKIT MERTAJAM

Majlis Pelancaran Sisa Sifar ini telah berlangsung di Taman Villa Oren, Bukit Mertajam pada 9 Januari 2016. Majlis ini turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Maimunah Mohd Sharif, Yang Dipertua MPSP, Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud, Setiausaha Perbandaran MPSP, Puan Sharon Song selaku wakil Pengerusi Perbadanan Pengurusan Taman Villa Oren, Ketua-ketua Jabatan, Penghuni-penghuni Taman Villa Oren serta pihak media.

Program Sisa Sifar ini merupakan satu elemen di mana ia mengamalkan konsep 4R (*Rethink, Reduce, Reuse dan Recycle*). Program ini penting dalam kalangan penduduk kerana lebih daripada 50% sampah yang telah dibuang merupakan sisa domestik. Oleh itu, dengan adanya program ini, ia dapat membantu memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan sampah dan juga sebagai langkah permulaan yang penting untuk membentuk sebuah komuniti yang lestari.



MAJLIS PELANCARAN ANUGERAH SEKOLAH HIJAU SMK BERAPIT



Program ini dihadiri oleh YBhg. Dato' Maimunah Muhamad Sharif, Yang Dipertua MPSP, Ahli Majlis MPSP, Encik Luciano Olivera, Pengarah Urusan Continental Automotive Components (Malaysia) Sdn Bhd, Pengetua serta guru SMK Berapit, Ketua Jabatan MPSP dan pihak media.



Anugerah Sekolah Hijau yang diadakan pada 28 Januari 2016 adalah bertujuan memberi pengiktirafan kepada pihak sekolah, mengurangkan sisa buangan, penjimatan sumber, pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Program ini ditaja oleh Continental Automotive Components (Malaysia) Sdn Bhd dengan jumlah penajaan sebanyak RM32,000 dan mereka telah menjadi penaja utama selama tujuh tahun berturut-turut.



PERHIMPUNAN KORPORAT BIL 01/2016 DAN MAJLIS PELANCARAN ALAT AUTOMATED EXTERNAL DEFIBRILLATOR

Perhimpunan Korporat yang telah berlangsung kali ini turut dihadiri oleh YAB Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang, YB Dr. Afif bin Bahardin, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar & Kesihatan, YBhg. Dato' Maimunah Muhamad Sharif, Yang Dipertua MPSP, Ahli Majlis - Ahli Majlis, Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud, Setiausaha Perbandaran MPSP, Ketua-Ketua Jabatan MPSP serta pihak media.

Perhimpunan pertama bagi tahun 2016 ini diadakan bagi menjelaskan Fokus MPSP 2016, Deklarasi Batu Ferringhi 2016, Unit Baru, Pencapaian MPSP 2015 serta Pelancaran Alat Automated External Defibrillator (AED).

Difahamkan sebanyak 4 unit alat AED akan dipasang di lokasi awam yang terpilih di Seberang Perai iaitu di Bangunan Ibu Pejabat MPSP, Kompleks Sukan Jalan Betek, Taman Rekreasi Cherok To'kun dan Stesen Keretapi Butterworth bagi membantu menyelamatkan nyawa individu yang mengalami serangan jantung. Langkah terbaik bagi membantu menyelamatkan nyawa semasa serangan jantung adalah melalui bantuan pernafasan, CPR dan alat AED ini.



MAJLIS ANUGERAH KOMUNITI MAMPAN 2015



Anugerah Komuniti Mampan adalah program di bawah Local Action 21 Majlis Perbandaran Seberang Perai dengan kerjasama dan tajaan daripada Delta Business Solutions Sdn Bhd. Syarikat Delta Business Solutions Sdn Bhd telah menaja program ini untuk tahun kedua dan telah memberi sumbangan wang tunai sebanyak RM13,700.00 sebagai hadiah kepada penyertaan yang berjaya melaksanakan komuniti mampan.

Anugerah ini adalah untuk memberikan pengiktirafan kepada inisiatif-inisiatif hijau yang dijalankan oleh komuniti dalam menjaga kualiti alam sekitar.

Anugerah Komuniti Mampan dinilai daripada beberapa kriteria iaitu Perancangan dan Pengurusan, Amalan Sisa Sifar (4R), Kebersihan dan Penghijauan dan Penglibatan Komuniti. Anugerah ini telah diadili oleh Delta Business Solutions Sdn.Bhd sebagai ketua penilai dan dianggotai oleh Pasukan Kerja LA 21 MPSP.



MAJLIS PERASMIAN PROJEK CSR BULATAN KELIP-KELIP & MERCU TANDA KAPAL, NIBONG TEBAL, SPS



MPSP telah melancarkan program CSR sejak bulan Jun 2011. Sejak dari tahun 2011, sebanyak 21 projek telah siap. Salah satu projek yang telah siap adalah Projek CSR Bulatan Jalan Sungai Daun Nibong Tebal. Projek ini adalah ditaja oleh Syarikat Epic Valley Holding Sdn. Bhd. Dalam projek ini, komponen-komponen yang dinaiktaraf melibatkan Replika Kapal sedia ada dan bulatan kelip-kelip sedia ada.

Struktur berbentuk kapal ini dipercayai telah dibina berdasarkan sejarah tempatan yang menggambarkan bahawa Pekan Nibong Tebal satu ketika dahulu berkembang melalui perdagangan dengan menggunakan sungai sebagai jaringan perhubungan. Manakala struktur replika kelip-kelip telah dibina bagi merekodkan bahawa wujudnya eko sistem kelip-kelip di sekitar Tanjung Berembang, Seberang Perai Selatan.

Bulatan ini terletak di jalan utama untuk kenderaan keluar dan masuk ke Bandar Nibong Tebal dari Butterworth dan juga Kuala Lumpur. Ia juga menjadi tarikan baru di Pekan Nibong Tebal.

BUTTERWORTH DISCOVERY WALK 2016

Butterworth Discovery Walk 2016 adalah program yang berteraskan penghayatan aset kesenian dan kebudayaan yang wujud di sekitar Pekan Lama Butterworth. Program ini dianjurkan selaras dengan pelaksanaan Pelan Butterworth Baharu iaitu kerjasama MPSP dan Think City.



CYCLE FOR A LANE (CFAL), AUTOCITY



MAJLIS PELANCARAN PROJEK PERINTIS DASAR PENGASINGAN SISA DI PUNCA KATEGORI PROJEK PERUMAHAN RAKYAT (PPR)

Dasar Pengasingan Sisa di Punca adalah satu inisiatif positif yang diambil Kerajaan Negeri bagi mengurangkan sisa yang dilupuskan di tapak pelupusan Pulau Burung. Kini Kerajaan Negeri, MPSP dan MBPP sedang membuat persiapan untuk pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa di Punca yang akan dikuatkuasakan pada 1 Jun tahun ini. Melalui Dasar Pengasingan Sisa di Punca ini, semua penduduk di negeri Pulau Pinang wajib mengasingkan sampah mereka sebelum dilupuskan; barang kitar semula kering dan sisa domestik.

Lapan kategori punca kutipan sisa telah dikenalpasti; rumah kampung, rumah taman, Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) bertingkat, Kondo, Kilang, outlet makanan/ Hotel serta Pusat Beli Belah dan Kompleks Kerajaan. PPR Ampangan Permatang Pauh dipilih sebagai tapak pelaksanaan Projek Perintis Dasar Pengasingan Sisa di Punca bagi kategori Projek Perumahan Rakyat (PPR).

MPSP memainkan peranan dalam memberi bimbingan tentang cara-cara mengasingkan sisa mengikut kategori. Bagi kutipan sisa domestik, kutipan akan dibuat oleh MPSP setiap hari kerana tong ro-ro telah disediakan di PPR Ampangan. Manakala barangan kitar semula, terdapat agen yang telah dilantik oleh PPR Ampangan dan jika barangan kitar semula tidak dikutip, kutipan akan dibuat oleh MPSP seminggu sekali.



MAJLIS PENGHARGAAN PESARA 2016 DAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2015



MAJLIS PELANCARAN RAWATAN KUALITI AIR SUNGAI DENGAN EM MUDBALL

South Island Garment telah mula membuat bebola tanah pada 5 Disember 2015 manakala lontaran pertama pula diadakan pada 19 Disember 2015. Setiap bulan lebih dari 1,000 biji bebola tanah akan dilontar. Rawatan air *EM Mud Balls* boleh mengurangkan tahap pencemaran.

Bagi kawasan Seberang Jaya, terdapat 49 perniagaan yang dilesenkan di bawah lesen perindustrian. Kawalan pembuangan air sisa dapat dipantau dengan adanya lesen yang dikeluarkan oleh MPSP. Ini adalah kerana setiap premis sebelum dilesenkan mempunyai garis panduan yang harus dipatuhi sebelum memperolehi lesen tersebut.

Aktiviti penjagaan sungai hari ini merupakan satu langkah dalam merealisasikan impian untuk menjadikan sungai lebih bersih dan sesuai sebagai satu tempat riadah keluarga di mana ahli keluarga boleh duduk berkelah bersama menikmati keindahan air sungai.

Selain dari membuat *EM Mud Ball*, *South Island Garment* juga mengambil inisiatif bagi mengatur ceramah kitar semula. Langkah yang diambil oleh *South Island Garment* ini adalah selaras dengan Dasar Pengasingan Sisa di Punca yang dibuat oleh Kerajaan Negeri bagi mengurangkan sisa yang dilupuskan di Pulau Burung.



PERTANDINGAN RENANG MERENTAS SELAT PERINGKAT ANTARABANGSA, PULAU PINANG 2016 *PENANG INTERNATIONAL CROSS-CHANNEL SWIM 2016*

Acara seperti ini dapat mempromosikan Negeri Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan antarabangsa dan sebagai sebuah bandar sukan serta dapat mempromosikan gaya hidup yang sihat selaras dengan visi dan aspirasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Pertandingan Renang Merentas Selat Peringkat Antarabangsa, Pulau Pinang akan diadakan setiap tahun dan menjadi acara sukan tahunan Negeri Pulau Pinang seperti Larian Jambatan Pulau Pinang yang menarik beribu-ribu peserta setiap tahun. Jumlah penyertaan dalam acara ini adalah sebanyak 113 perenang dari Kelab Polar Bear dari Zhengzhou, Cina, perenang dari Sepanyol, Sweden dan Jepun serta 54 orang perenang dari seluruh Malaysia.

Peserta termuda dalam pertandingan ini adalah dua orang kanak-kanak perempuan berumur 11 tahun dari Bukit Mertajam, Penang dan peserta yang tertua berumur 73 tahun dari Negara Cina.

Selain faktor jarak, kedalaman laut dan arus ombak, perenang terpaksa menghadapi cabaran obor-obor. Ini menunjukkan keberanian perenang yang menyertai pertandingan ini.



MAJLIS PELANCARAN ANUGERAH KITAR SEMULA SEKOLAH



Tahun ini merupakan tahun kedua Anugerah Kitar Semula Sekolah diadakan. Penaja program ini pada tahun 2016 adalah PLB Eco Solutions Sdn Bhd. Pada tahun 2015, penaja pertama program Anugerah Kitar Semula Sekolah ialah Infitech Machinery yang juga merupakan syarikat yang sama. PLB Eco Solutions Sdn Bhd telah bersetuju dan berbesar hati memberi sumbangan bagi menjayakan program kitar semula.



Setiap sekolah yang menyertai program ini akan diberikan 3 unit *jumbo bag* bagi mengisi kertas, plastik dan logam. Pihak PLB sendiri telah bermurah hati untuk menaja dan memberikan 3 unit *jumbo bag* bagi setiap sekolah yang mengambil bahagian. MPSP pula akan memberikan 10 buah pasu bunga kepada sekolah-sekolah yang menyertai Anugerah Sekolah Hijau. Langkah yang diambil oleh PLB Eco Solutions Sdn Bhd ini adalah selaras dengan Dasar Pengasingan Sisa di Punca yang akan dilaksanakan pada 1 Jun 2016.



LAWATAN

KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA
DATUK BANDAR MAJLIS
BANDARAYA ALOR SETAR



PEJABAT SUK DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN SELANGOR



MAJLIS PERBANDARAN
ALOR GAJAH



LAWATAN



**MAJLIS BANDARAYA
SHAH ALAM**



**MAJLIS DAERAH
HULU SELANGOR**



LAWATAN

MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI



JABATAN TAMAN BOTANI PULAU PINANG



MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS



KUNJUNGAN DARI YOKOHAMA CITY & JICA



PENANG PROPERTY SUMMIT 2016 PIP CONFERENCE DI SPICE, PULAU PINANG



MAJLIS PECAH TANAH KOMPLEKS MAKANAN PERMATANG TINGGI



MAJLIS PELANCARAN KITAR SEMULA KACA, JALAN MD SAAD



MAJLIS PERASMIAN PROJEK CSR TEBATAN BANJIR & TAMAN LINEAR TASEK MUTIARA





MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

Jalan Perda Utama, Bandar Perda, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.

Tel: 04-5497555 Faks: 04-5389700 Website: www.mpsp.gov.my Email: webmaster@mpsp.gov.my